

Kayu balak bernilai lebih RM500,000 dirampas

KAPIT - Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah Lima Sarawak dan Jabatan Hutan Sarawak (JHS) merampas 633 batang kayu balak yang ditebang secara haram dalam dua serbuan di Nanga Merama, Sungai Baleh di sini petang kelmarin.

Komandernya, Asisten Komisioner Salehuddin Mat Zaman berkata, serbuan pertama dilakukan pada pukul 5.30 petang di tempat pengumpulan kayu balak di tebing sungai berkenaan.

Menurutnya, dalam serbuan itu, polis menemui 200 batang kayu balak pelbagai saiz dan jenis termasuklah kayu belian dan meranti.

"Pemeriksaan mendapati kesemua kayu berkenaan tidak mumpu-

nyai sebarang cop rasmi JHS.

"Semua balak yang dirampas ini dianggarkan bernilai RM240,000," katanya di sini semalam.

Jelasnya, PPM dan JHS kemudian melakukan rondaan sekali lagi di kawasan berhampiran dan menemui longgokan kayu balak kira-kira pukul 5.55 petang.

Salehuddin memberitahu, hasil pemeriksaan di lokasi kedua itu menemui 433 batang kayu balak pelbagai jenis dan saiz yang kesemuanya dianggarkan bernilai RM337,500.

"Jumlah keseluruhan kayu balak yang dirampas dalam serbuan ini ialah 633 batang dengan nilai rampasan dianggarkan RM557,500," ujarnya.



SEBAHAGIAN daripada kayu balak yang dirampas polis marin dan Jabatan Hutan Sarawak di Nanga Merama, Kapit kelmarin.

20/8 KOSMO-6